

Headline
Date
MediaTitle
Section
Journalist
Frequency
Circ / Read

3 lelaki diperintah bela diri
10 Apr 2010
Sinar Harian
Selangor & KL
N/A
Daily
60,000 /

Language
Page No
Article Size
Color
ADValue
PRValue

Malay
S9
156 cm²
Black/white
624
1,872



3 lelaki diperintah bela diri

KUALA LUMPUR – Tiga lelaki, termasuk seorang bekas atendan Hospital Kuala Lumpur (HKL), diperintah membela diri oleh Mahkamah Sesyen di sini, semalam, atas dakwaan memalsukan kematian seorang penjenayah, Michael Soosai, tujuh tahun lalu.

Hakim Mohamad Sekeri Mamat membuat keputusan itu setelah mendapati pihak pendakwaan berjaya membuktikan kes prima facie terhadap semua tertuduh yang didakwa memalsukan daftar kematian, permit kubur dan sijil kematian penjenayah itu.

Sekeri berkata, keterangan 23 saksi pendakwaan berjaya membuktikan tiga elemen penting dalam kes tersebut iaitu sama ada sijil kematian serta permit kubur dipalsukan untuk tujuan menipu, sama ada prosedur di Bilik Mayat HKL tidak dipatuhi dan sama ada Michael benar-benar masih hidup.

Pada 13 September 2003, tertuduh ketiga, K Subramaniam, 33, bertugas ketika bilik mayat menerima mayat seorang lelaki yang mati kerana HIV positif dan dinyatakan sebagai tidak dikenali.

Subramaniam didakwa mengubah buti-

ran pada buku pendaftaran mengenai mayat itu dengan memasukkan butiran Michael sehingga menyebabkan doktor yang bertugas mengeluarkan sijil kematian dan permit pengebumian bagi 'Michael'.

J Kumaresan, 28, (tertuduh pertama) kemudian menggunakan kedua-dua dokumen itu untuk menuntut mayat pada esok hari dan membuat urusan membakar mayat.

Tertuduh kedua pula, peniaga besi lusuh, V Sanjeev Kumar telah bersubahat melakukan semua perbuatan itu.

"Dengan ini pihak pendakwaan berjaya membuktikan prima facie terhadap pertuduhan dan semua tertuduh dipanggil membela diri," katanya.

Terdahulu, Subramaniam bersama seorang lagi lelaki yang masih bebas, didakwa menipu Dr Wan Mohamed Zamri Wan Nawawi, 45, untuk mengeluarkan sijil kematian antara 11 pagi dan 3 petang pada 12 September 2003.

Mahkamah menetapkan perbicaraan pada 17, 18 dan 27 Mei depan untuk semua tertuduh tersebut membela diri.

Pihak pendakwaan diwakili Timbalan Pendakwa Raya, Syed Faizal Syed Amir.